

**Sebanyak RM37.47 Juta Telah Diperuntukkan Untuk TP-1Malaysia, Kata Raja Nong Chik Bernama
25 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Sebanyak RM37.47 juta atau 80 peratus daripada dana Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) telah digunakan sehingga kini untuk membiayai projek-projek TP-1Malaysia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata ia menunjukkan bahawa program TP-1Malaysia yang bertujuan memperbaiki dan menaik taraf kemudahan awam di kawasan perumahan sederhana dan rendah sejak ia dilancarkan pada Januari 2010 berjaya dilaksanakan.

"Daripada jumlah itu, 34 projek adalah bagi perumahan kos rendah swasta yang membabitkan kos sebanyak RM15.4 juta manakala bagi perumahan kos sederhana rendah swasta ia membabitkan sebanyak 17 projek yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM12.3 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan bayaran balik jumlah wang lebihan TP-1Malaysia kepada Badan Pengurusan Bersama Taman Naga Emas Blok 42 dan 44, Salak Selatan, Perbadanan Pengurusan Taman Pantai Dalam Fasa 1 dan Perbadanan Pengurusan Taman Pantai Indah Fasa 1, di sini hari ini.

Katanya jumlah lebihan wang sumbangan TP-1Malaysia membabitkan Badan Pengurusan Taman Naga Emas ialah RM10,957.60, Perbadanan Pengurusan Pantai Dalam (RM7,892.81) dan Perbadanan Pengurusan Taman Pantai Indah Fasa 1 (RM35,958.40).

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648025>